

## MEDIA STATEMENT

### FOR IMMEDIATE RELEASE

#### **The NACS 2024 - 2028 sets positive direction, needs persistent and bipartisan efforts to achieve targets**

**Kuala Lumpur, 9 May 2024:** IDEAS commends the Malaysian government's proactive approach in strengthening anti-corruption measures through the recently launched National Anti-Corruption Strategies 2024-2028 (NACS). This initiative represents a significant stride towards combating corruption and promoting transparency as part of the nation's reform agenda.

Achieving the ambitious targets set by the NACS demands strong bipartisan political will, tremendous effort, support of the civil service, and a focused approach. It is imperative for political parties across the spectrum to set aside differences and collaborate wholeheartedly in the fight against corruption. To achieve these goals, distractions on issues unrelated to anti-corruption efforts, such as those concerning race, religion, and royalty (3R), must be minimised.

More importantly, rebuilding trust in institutions is imperative to narrow the trust deficit between citizens and government. Enacting a Political Financing Act (PFA), which is included in the NACS, is one such priority. While steps have been taken to kick-start the process, this needs serious political will from the very top. It cannot be stressed enough how important it is to pass the PFA before the next election.

It is unfortunate, however, that separating the role of the Attorney General and Public Prosecutor is not included in the NACS, considering how the conflict of interest between the two is one of the main hindrances to fighting corruption. While IDEAS understands that the government is currently pursuing a study into this matter, it is still unclear whether previously set target timelines will be adhered to, since it is not contained within this important document.

IDEAS CEO, Dr Tricia Yeoh, stated, "In these next four years, it is crucial for all stakeholders to prioritise the NACS. To do this effectively, we cannot be distracted by racial and religious issues, and all efforts must go into rebuilding trust in our institutions. The MACC found that Malaysia suffered losses over a period of five years between 2018 and 2023 totaling RM277 billion due to corruption. This abominable trend and loss of public funds cannot continue if we are serious in building Malaysia as an attractive investment destination, with strong fundamentals and robust mechanisms in place to combat corruption and mismanagement. Ultimately, it is the Malaysian public that loses the most when corrupt practices go unpunished."

— END —

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

[ryannesh@ideas.org.my](mailto:ryannesh@ideas.org.my)

#### About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,

visit [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my)

## KENYATAAN MEDIA

### Untuk Siaran Segera

#### **NACS 2024 - 2028 tetapkan arah yang positif, perlu usaha berterusan dan dwipartisan untuk capai matlamat**

**Kuala Lumpur, 9 Mei 2024:** IDEAS mengalu-alukan pendekatan proaktif kerajaan Malaysia dalam memperkuat langkah antirasuah melalui Strategi Pembanterasannya Nasional 2024-2028 (NACS) yang baru dilancarkan. Inisiatif ini merupakan satu langkah penting dalam memerangi rasuah dan mempromosikan ketelusan sebagai sebahagian daripada agenda reformasi negara.

Usaha mencapai matlamat bercita-cita tinggi yang ditetapkan oleh NACS memerlukan keazaman politik dwipartisan yang kuat, usaha yang serius, sokongan daripada perkhidmatan awam, dan pendekatan yang berfokus. Adalah penting bagi semua parti politik untuk mengenyepikan perbezaan dan bekerjasama sepenuh hati dalam agenda memerangi rasuah. Untuk mencapai tujuan ini, gangguan pada isu yang tidak berkaitan dengan usaha antirasuah, seperti yang berkaitan dengan kaum, agama, dan raja (3R), harus diminimumkan.

Apa yang lebih penting adalah membina semula kepercayaan dalam institusi untuk mengurangkan defisit kepercayaan antara rakyat dan kerajaan. Satu lagi keutamaan dalam NACS adalah melaksanakan Akta Pembiayaan Politik (PFA). Pelaksanaannya memerlukan keazaman politik yang serius daripada kepimpinan tertinggi, walaupun langkah telahpun diambil untuk memulakan proses ini. Amat penting untuk akta ini diluluskan sebelum pilihan raya seterusnya.

Sayang sekali pemisahan Peguam Negara dan Pendakwa Raya tidak termasuk dalam NACS, memandangkan konflik kepentingan antara kedua-duanya merupakan salah satu halangan utama dalam memerangi rasuah. Walaupun IDEAS memahami bahawa kerajaan sedang menjalankan kajian mengenai perkara ini, masih tidak jelas sama ada garis masa sasaran yang telah ditetapkan sebelum ini akan dipatuhi, kerana ia tidak termasuk dalam dokumen penting ini.

Ketua Eksekutif IDEAS, Dr Tricia Yeoh, menyatakan, "Dalam empat tahun seterusnya ini, adalah penting bagi semua pihak berkepentingan untuk memberi keutamaan kepada NACS. Untuk melakukannya secara berkesan, kita tidak boleh terganggu oleh isu-isu perkauman dan keagamaan, dan semua usaha harus diberikan kepada pembinaan semula kepercayaan dalam institusi kita. SPRM mendapati bahawa Malaysia mengalami kerugian berjumlah RM277 bilion disebabkan oleh rasuah. Trend ini tidak boleh berterusan jika kita serius dalam membina Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang menarik, dengan asas yang kukuh dan mekanisme yang mantap untuk memerangi rasuah dan pengurusan yang tidak berkesan. Pada akhirnya, pihak yang rugi sebenarnya ialah rakyat Malaysia apabila amalan rasuah tidak dihukum."

— TAMAT—

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program

[ryannesh@ideas.org.my](mailto:ryannesh@ideas.org.my)

**Tentang IDEAS**

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my)